

23 JUL 1999
LID-KRISIS
PERKONGSIAN PINTAR PENTING WALAUPUN KETIKA KRISIS

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

LANGKAWI, 23 Julai (Bernama) -- Kira-kira 300 peserta daripada 38 negara termasuk ketua-ketua kerajaan akan mula tiba di sini esok bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi ke-4 (LID '99) untuk memerah idea-idea yang terbaik mengenai bagaimana perkongsian pintar boleh digunakan bagi kebaikan masyarakat.

Paling utama dalam minda mereka adalah untuk belajar mengawal dan mempergunakan konsep bukan hanya untuk kemakmuran bersama ketika tempoh baik tetapi juga untuk menyelidiki cara-cara di mana perkongsian pintar boleh digunakan untuk menangani masalah ketika krisis ekonomi.

"Kami percaya perkongsian pintar mempunyai peranan untuk dimainkan dalam kedua-dua tempoh sama ada ketika ekonomi melonjak ataupun merudum," kata pengerusi Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, kepada Bernama, baru-baru ini.

MIGHT dan Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM) yang berpangkalan di London sekali lagi menjadi penganjur bersama dialog Langkawi yang telah menghasilkan dialog-dialog yang serupa di Afrika.

Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang pertama kali diperkenalkan pada 1995, adalah ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sering menekankan bahawa perkongsian pintar adalah satu cara untuk mencapai kestabilan sosio-ekonomi dan politik.

Ketika peserta-peserta berkumpul di pulau peranginan ini bagi satu sesi yang dijanjikan akan membuah hasil, mereka akan mendapati LID'99 berbeza daripada dialog-dialog sebelum ini berikutan perkaitannya dengan krisis ekonomi yang melanda negara.

LID '99 akan memberi tumpuan kepada krisis itu dan kesan proses pemulihan ekonomi dengan negara-negara seperti Malaysia dan Thailand berkongsi pengalaman mereka; di mana Malaysia tanpa pengawalan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) manakala Thailand pula dengan bantuan kewangan daripada agensi antarabangsa itu.

Dr Omar berkata ekonomi-ekonomi seperti Malaysia, Thailand dan Taiwan boleh berkongsi dengan negara-negara membangun, kebanyakannya dari Afrika, pengalaman mereka mengenai butir-butir terperinci proses pemulihan ekonomi.

LID '99 yang berlangsung selama empat hari bermula 25-28 Julai ini adalah bertemakan "Menguruskan Pemulihan Ekonomi - Pendekatan Perkongsian Pintar."

Dr Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata "ketika kita (Malaysia) melihat kepada inisiatif yang kita ambil sendiri daripada segi pemulihan ekonomi, kita tahu kerajaan tidak dapat melaksanakannya bersendirian."

"Malah kerajaan dan sektor perniagaan sendiri juga tidak mampu melaksanakannya bersendirian, ia membabitkan penyertaan semua pihak," katanya.

"Oleh itu, ia memerlukan pemahaman rakyat termasuk pergerakan buruh yang perlu mengetahui apakah yang dihasratkan kerajaan.

"Dan pastinya setiap orang harus memainkan peranan mereka sendiri agar terdapat format pintar di mana setiap orang menuju ke satu arah," kata Dr Omar, yang juga pengerusi-bersama CPTM.

Dan apabila tiba kepada perspektif antarabangsa, "kita mengetahui dengan jelas apabila sesebuah negara tunggal, terutama daripada negara sedang membangun bertindak bersendirian, ia tidak akan menjadi efektif.

"Tetapi apabila ekonomi-ekonomi sedang muncul berganding bahu

bersama-sama menggunakan pendekatan perkongsian pintar boleh menghasilkan satu kejayaan dan apa yang lebih penting, hasil yang lebih adil dan saksama boleh dijangkakan," kata

Sehubungan itu, beliau berkata LID '99 akan lebih menjadi sebuah dialog perkongsian pintar mengenai bagaimana krisis ekonomi ditangani daripada sebuah dialog mengenai konsep perkongsian pintar seperti yang berlaku dalam tiga dialog sebelum ini.

"Kita memperkenalkan satu idea bahawa pendekatan perkongsian pintar akan menjadi satu cara pilihan untuk menjanakan tindakan negara serta interaksi antarabangsa bagi menyelesaikan masalah dan mencapai kemakmuran. Perkongsian pintar juga berguna dalam penyelesaian konflik," katanya.

LID '99 juga penting kerana ia akan menampilkan satu dialog di kalangan Wanita Pertama atas permintaan mereka sendiri mengenai topik yang relevan, termasuk isu-isu sosial dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan ekonomi.

Wanita Pertama adalah pemimpin dengan cara mereka sendiri dan boleh memberi sumbangan besar ketika dialog di Langkawi, katanya.

Dr Omar berkata, juga akan diadakan pembentangan isu mengenai Formula 1, acara perlumbaan motor nombor satu dunia yang akan diadakan di litar F1 Sepang pada Oktober ini serta sumbangannya untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata acara itu akan membawa bersama empat angkubah kepada pemulihan -- peluang perniagaan, pindahan teknologi dan pembangunan, menggalakkan pelancongan dan meningkatkan publisiti bagi Malaysia.

Senarai penuh pemimpin-pemimpin dan menteri-menteri yang akan menghadiri LID '99 adalah Presiden Botswana Festus Gontebanye Mogae, Presiden Ghana John Atta-Mills, Menteri Kewangan Jordan Dr Michel Marto, Speaker Parlimen Kyrgyz Mukambayev Usup, Perdana Menteri Lesotho Dr Pakalitha Mosisili, Dr Mapop Chipeta dari Malawi, Perdana Menteri Malta Fenech Adami, Presiden Mauritius Caseem Uteem, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano, Presiden Namibia Dr Sam Nujoma, Naib-Presiden Seychelles James Alix Michel, Naib-Presiden baru Afrika Selatan Jacob Zuma, Presiden-Jeneral Sudan Lt Gen Omar Hassan Ahmad, King Mswati III dari Swaziland, Menteri Kewangan Taiwan Dr Paul Chiu Cheng-hsiung, Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa, Timbalan Perdana Menteri Thailand Dr Supachai Panitchpakdi, Menteri Kewangan dan Pembangunan Ekonomi Zambia Dr Katele Kalumba, dan Presiden Zimbabwe Dr Robert Mugabe.

Syarikat-syarikat antarabangsa yang menyertai Dialog Langkawi terdiri daripada British Aerospace Plc, Hyundai Engineering & Construction Co. Ltd., Dresdner Kleinwort Benson Ltd, U.K., Marconi Communications of Italy, Merrill Lynch, U.K., Salomon Smith Barney Inc, U.S., dan Rolls-Royce, U.K.

Terdapat juga penyertaan besar daripada sektor korporat Malaysia seperti Telekom Malaysia -- penaja utama LID '99, Tenaga Nasional Bhd, Malaysia Airlines, Shell, serta pegawai-pegawai tertinggi daripada pihak berkuasa kawal selia dari sektor kewangan.

Menteri-menteri Kabinet yang dijangka menghadiri LID '99 antara lainnya termasuklah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie, serta Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

-- BERNAMA

MR ZK MA